

# Pusat penyelidikan buaya di Sabah hujung tahun ini

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR

aileenkucheen@yahoo.com

KOTA KINABALU: Sebuah pusat penyelidikan buaya akan diwujudkan di Taman Buaya Tuaran penghujung tahun ini.

Pengarah Sandakan Crocodile Farm Sdn Bhd, Jon Choi, berkata kemudahan ini adalah perlu memandangkan sumber mengenai biologi buaya masih terhad.

Taman Buaya Tuaran dimiliki oleh keluarga Chai yang turut mempunyai kemudahan yang sama di Langkawi. Setakat ini mereka mempunyai kira-kira 10,000 ekor buaya di ketiga-tiga taman.

"Buaya yang sakit akan dibawa ke pusat penyelidikan ini dan kemudian Jabatan Hidupan Liar Sabah (SWD) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menjalankan ujian dan diagnosis.

"Di pusat ini juga, pakar akan mengkaji biologi dan penyakit berkenaan buaya. Di negara ini, hanya ada lima taman buaya berlesen yang turut mengalami masalah serupa mengenai biologi buaya tetapi tiada siapa yang tampil memperkatakannya atau melakukan sesuatu," katanya yang merupakan salah seorang pembentang di Bengkel Antarabangsa Konflik Manusia-Buaya (HCC) di sini kelmarin.

Menurut Jon, keadaan ini berbeza dengan apa yang berlaku di Australia kerana kerajaan negara itu menyediakan subsidi untuk penyelidikan melibatkan buaya.

Di samping itu, kata Jon, pusat penyelidikan itu nanti juga akan menyediakan program pendidikan untuk tujuan kajian perternakan dan pemuliharaan.

"Kami mengeksport kulit mentah ke Singapura untuk diwarnakan sebelum dieskport ke negara-negara Eropah manakala daging buaya kering ke Hong Kong," katanya.

Jelas Jon, kulit dari bahagian belakang

"Buaya yang sakit akan dibawa ke pusat penyelidikan ini dan kemudian Jabatan Hidupan Liar Sabah (SWD) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menjalankan ujian dan diagnosis. Di pusat ini juga, pakar akan mengkaji biologi dan penyakit berkenaan buaya. Di negara ini, hanya ada lima taman buaya berlesen yang turut mengalami masalah serupa mengenai biologi buaya tetapi tiada siapa yang tampil memperkatakannya atau melakukan sesuatu."



**JON CHOI**

*Pengarah Sandakan Crocodile Farm Sdn Bhd*

buaya biasanya digunakan untuk menghasilkan barangan seperti tali pinggang manakala bahagian bawah badan untuk beg tangan. Tambahnya, harga kulit buaya mentah bergantung kepada saiznya.

"Kami biasanya menggunakan kulit buaya berusia empat tahun dan setiap kulit boleh dijual dengan harga mencecah RM1,000 manakala Taman Buaya Sandakan mengeksport kira-kira 1,000 keping kulit mentah setahun.

"Selain membekalkan daging segar dan kering, mereka juga turut menghasilkan minyak buaya yang boleh digunakan untuk menghilangkan sengal-sengal badan, gigitan nyamuk dan melecur," katanya.

Dalam pembentangannya, Jon menerangkan bahawa penyenaaraian buaya di bawah Convention on International Trade in Endangered Species of Flora and Fauna (CITES) menyebabkan penternak sukar memasarkan produk mereka.

"Semua produk, termasuk yang sudah siap mesti ada permit CITES. Jadi, jika pelancong membelinya dan mahu dibawa

pulang, mereka perlu ada permit. Perkara ini menyebabkan mereka tidak berminat untuk membelinya," kata Jon.

Permit CITES adalah adalah perlu untuk membuktikan bahawa produk berkenaan diperolehi daripada kaedah mapan dan bukannya buaya liar, namun menurut Jon, ia menyukarkan bagi para penternak.

Sementara itu, Pengerusi Kumpulan Pakar Buaya IUCN-SSC Professor Grahame Webb berkata, setiap permit yang dikeluarkan adalah untuk empat produk dan ini bermaksud mereka tidak perlu mendapatkan permit CITES untuk setiap produk yang dijual.

Menjawab soalan mengenai manfaat daging buaya dari aspek perubatan pula, Jon berkata, ia adalah amalan tradisional dan kesahihannya belum dibuktikan secara saintifik.

Di samping itu, katanya, mereka turut merancang untuk menambah keluasan taman berkenaan untuk keperluan program biakbaka yang dijalankan mereka.